

# Peruntukan infrastruktur bukan fizikal meningkat 18 peratus

**K**ERAJAAN melaksanakan pendekatan baru dalam pengagihan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan memberikan lebih tumpuan kepada pembangunan infrastruktur bukan fizikal berbanding infrastruktur fizikal.

Nisbah peruntukan pembangunan infrastruktur bukan fizikal ditingkatkan kepada 40 peratus berbanding hanya kira-kira 22 peratus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

Peralihan itu selaras dengan penekanan kepada hasil, misalnya mengalihkan tumpuan dari membina bangunan sekolah kepada meningkatkan kemahiran guru untuk pencapaian pelajar yang cemerlang.

Penekanan kepada infrastruktur bukan fizikal juga selaras dengan usaha menggalakkan pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta dengan peningkatan peruntukan bagi kemudahan sokongan dana fasilitasi, pembiayaan perniagaan, R&D, pembangunan keusahawanan

dan pelbagai insentif.

Dalam peralihan daripada infrastruktur fizikal kepada infrastruktur bukan fizikal, kerajaan juga akan beralih daripada penyediaan perkhidmatan oleh sektor awam kepada perolehan perkhidmatan dari sektor swasta.

Sebagai contoh, dari segi latihan kemahiran, kaedah perolehan, perkhidmatan akan memberi lebih fleksibiliti kepada kerajaan untuk menyesuaikan keperluan latihan dengan keperluan semasa yang sentiasa berubah di samping menggalakkan persaingan di kalangan penyedia latihan dalam menghasilkan kemahiran yang diperlukan.

Fokus RMKe-10 adalah kepada pengurusan kewangan awam yang mapan iaitu dengan mengimbangi di antara usaha menyokong pertumbuhan ekonomi dengan pengurangan defisit fiskal secara teratur.

Ketidaktentuan berterusan dalam prospek ekonomi global memerlukan fleksibiliti fiskal yang mencukupi bagi membolehkan tindak balas terhadap sebarang ke-

mungkinan yang akan berlaku.

Selaras dengan pengurusan kewangan awam yang mampan, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan subsidi secara berperingkat, meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam perolehan, memacu produktiviti melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan memperluas asas pungutan cukai.


Faktor kritikal dalam menjayakan RMKe-10 adalah keberkesanan pelaksanaan program dan projek dan ini memerlukan modal insan cemerlang dan struktur organisasi sektor awam yang mantap.

Dalam tempoh RMKe-10, tumpuan khusus akan diberikan kepada usaha menarik modal insan berprestasi tinggi ke dalam sektor awam. Kerajaan akan bertindak secara bersepadu dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mengelakkan dari bertindak secara berasingan atau silo.

Struktur organisasi kerajaan akan dirasionalisasi ba-

## LOKASI

Liputan jalur lebar pada 2015



**Nota:** Kawasan adalah indikatif, tidak mengikut skala dan mungkin berubah mengikut pelan terperinci. Terdapat jalur lebar untuk orang awam dalam semua kawasan jalur lebar berkelajuan tinggi

**SUMBER:** Surujanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

gi menggembeng sumber yang ada supaya mencerminkan keutamaan semasa.

Pelaksanaan program dan aktiviti akan dipantau melalui petunjuk prestasi utama (KPI) bagi setiap Menteri dan Kementerian yang akan disebar turun daripada peringkat nasional sehingga kepada peringkat pelaksanaan projek di Kementerian dan agensi dengan pemantauan rapi dan laporan berkala kepada Perdana Menteri.

Selaras dengan ini, Economic Delivery Unit (EDU) akan ditubuh di bawah Unit

Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) bagi memacu dan memantau program transformasi ekonomi bertunjangan NKEA dan model baru ekonomi.

Malaysia berjaya mentransformasikan negara daripada sebuah negara berpendapatan rendah menjadi negara berpendapatan sederhana.

Bagaimanapun, Malaysia tidak sepatutnya berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai kerana persekitaran ekonomi global semakin mencabar.

Malaysia perlu bertindak

segera. Peralihan dari negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi memerlukan satu model ekonomi yang baru.

RMKe-10 menetapkan strategi utama bagi mencarta pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju.

Agenda transformasi yang komprehensif ini memerlukan usaha bersungguh-sungguh dan berterusan daripada rakyat, sektor awam dan swasta. Dengan semangat 1Malaysia, Malaysia Boleh!